

Saksi dakwa ada 'ugutan' suruh tandatangan

Rakan Kongsi Urusan KPMG beritahu Najib arah tutup laporan audit kewangan 2013

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rakan Kongsi Urusan KPMG, Datuk Johan Idris memberitahu Mahkamah Tinggi semalam, terdapat satu bentuk ugutan daripada Datuk Seri Najib Razak ketika mengarahkan firma audit itu menutup dan menandatangani laporan audit penyata kewangan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi 2013.

Johan yang menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk Seri Gopal Sri Ram, pada sesi pemeriksaan semula, berkata demikian ketika ditanya mengenai mesyuarat pada malam 15 Disember 2013 di antara KPMG, 1MDB dan Najib di kediaman bekas Perdana Menteri itu, di Jalan Langgak Duta.

Johan satu-satunya wakil KPMG yang dibenarkan masuk ke rumah Najib pada malam itu, manakala kakitangan KPMG yang lain diarah menunggu di luar.

KPMG ketika itu belum menandatangani laporan audit 1MDB bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013, kerana syarikat pelaburan strategik negara itu tidak memberikan maklumat yang diminta KPMG, sejak April 2013.

Sri Ram yang merujuk kepada prosiding terdahulu, iaitu saksi ketika menjawab soalan peguam bela, mengesahkan melalui minit mesyuarat menunjukkan Najib tidak memberikan sebarang tekanan kepada KPMG untuk me-



Najib tiba di Mahkamah Kuala Lumpur bagi perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana 1MDB.
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

nandatangani dokumen berkenaan.

Disoal oleh Sri Ram sama ada beliau menerima sebarang tekanan pada pertemuan itu, Johan menjawab: "Saya menyifatkannya sebagai satu bentuk ugutan (untuk menutup dan menandatangani laporan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013)".

Ketika ditanya daripada siapa ugutan itu, saksi ke-14 pendakwaan itu berkata, 'daripada Najib'.

Pada peringkat itu, peguam Wan Aizuddin Wan Mohammed yang mewakili Najib membantah soalan berkenaan kerana perkataan 'ugutan' tidak timbul dalam mana-mana jawapan Johan ketika disoal balas sebelum ini.

Bagaimanapun, Sri Ram menegaskan pihak pembelaan tidak boleh menghalang saksi menjawab soalan dari sudut pandangannya.

Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah memerintahkan peguam bela mengemuka isu terbabit dalam hujahannya.

Terdahulu, Wan Aizuddin mencadangkan kepada Johan dakwaan penyelewengan oleh pengurusan 1MDB akan terbongkar jika KPMG menjalankan auditnya ke atas 1MDB dengan betul sepanjang tiga tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012, namun Johan berkata, pihaknya sentiasa menjalankan audit dengan betul.

Sementara itu, Johan tidak bersetuju dengan cadangan Wan Aizuddin bahawa KPMG bertindak secara sistematik terhadap pengurusan 1MDB dengan menutup mata terhadap transaksi mengelirukan sehingga membenarkan wang 1MDB disalah guna.

Johan mengesahkan KPMG juga tidak menerima satu sen pun daripada wang diseleweng 1MDB.

Dalam keterangan sebelum ini, Johan berkata, pada pertemuan di kediamannya itu, Najib memaklumkan kepada KPMG bahawa 1MDB tidak boleh mendedahkan butiran terperinci mengenai pelaburan syarikat itu di Brazen Sky Limited kerana ia adalah sulit.

Menurut saksi, Najib turut mempersoal sebab KPMG masih menimbulkan syak terhadap underlying assets (aset asas) pelaburan berkenaan.

Mahkamah sebelum ini diberitahu, Brazen Sky Ltd ialah syarikat perantara tujuan khas (SPV) yang ditubuhkan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low dan rakan sekutunya untuk menghantar pulang wang pelaburan oleh 1MDB.

Najib, 68, berdepan empat pertuduhan iaitu menggunakan kedudukan beliau untuk memperoleh suapan RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.